

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 4/7 / 2008

# PM: Bursa terhenti tidak jejas imej negara

KUALA LUMPUR 3 Julai - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tindakan perlu diambil untuk mengatasi masalah di Bursa Malaysia supaya ia boleh berfungsi semula secepat mungkin.

Menurutnya, apa yang penting sekarang ialah perkara itu tidak berlaku lagi kerana ia akan menjejaskan prestasi dan memberi

imej yang negatif kepada Bursa Malaysia serta negara ini.

Urus niaga Bursa Malaysia yang digantung hari ini berpunca daripada masalah teknikal dan tiada sebab lain yang menyebabkan Bursa Malaysia digantung sama ada masalah ekonomi, politik ataupun kestabilan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang

akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) di pejabatnya di bangunan Parlimen di sini hari ini.

Abdullah menegaskan, tidak ada sebab lain untuk kerajaan atau mana-mana pihak menggantung atau menghentikan urus niaga di Bursa Malaysia.

"Saya bukan hendak membuat sikap pena-

fian tetapi apa yang berlaku sekarang tidak akan menjejaskan ekonomi negara sehingga kerajaan terpaksa menggantung atau melakukannya sesuatu agar urusniaga Bursa Malaysia tidak dapat dijalankan," katanya.

Tegasnya, semua pihak tidak harus membuat andaian terhadap apa yang berlaku di Bursa Malaysia kerana ia akan menjejaskan sentimen pasaran.